



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KONVENSYEN SEJARAH NASIONAL 2026:
“BERSAMA MEMBINA NEGARA BANGSA”**

12 MEI 2026 (SELASA)

**DEWAN KECEMERLANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
KAMPUS ALAM, PAUH PUTERA
ARAU, PERLIS.**

Selamat sejahtera,
Salam Perlis, Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu
Negeri Sejahtera, Perlis Maju
Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

**MENGHADAP,
DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERLIS,
TUANKU SYED FAI-ZUD-DIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

**DAN MENGHADAP,
DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA PUAN MUDA PERLIS,
TUANKU DR. HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH
KHALIL**

Ampun Tuanku,
Patik bagi pihak majlis merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke Konvensyen Sejarah Nasional 2026: “Bersama Membina Negara Bangsa”.

Ampun Tuanku,
Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik meneruskan ucapan kepada hadirin hadirat yang hadir pada hari ini.

Ampun Tuanku

PENDAHULUAN

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Bersama-samalah kita memanjatkan kesyukuran kerana dapat berkumpul dalam Majlis Perasmian **Konvensyen Sejarah Nasional 2026: “Bersama Membina Negara Bangsa”** .
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada **Arkib Negara Malaysia** selaku agensi peneraju kepada Konvensyen Sejarah Nasional 2026 dengan kerjasama **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)** selaku tuan rumah, dan **Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)**.
3. Penganjuran konvensyen yang bertemakan “**Bersama Membina Negara Bangsa**” ini selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang turut mengangkat pembinaan negara bangsa sebagai salah satu tonggak utama pembangunan rakyat dan negara.

KEPELBAGAIAN MALAYSIA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

4. **Malaysia adalah sebuah negara yang berdiri megah atas asas kepelbagaian.** Dengan lebih daripada 200 etnik, kaya dengan identiti, bahasa, budaya, serta keunikan dalam makanan, tarian dan seni muzik. Kepelbagaian ini bukan sekadar realiti sosial, malah menjadi kekuatan utama yang membentuk wajah Malaysia sebagai sebuah negara yang unik di persada dunia.
5. Namun demikian, **mengurus kepelbagaian ini bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan kefahaman, rasa hormat serta penerimaan berterusan** daripada semua pihak untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.
6. Dalam realiti global yang semakin mencabar hari ini yang melibatkan perbezaan ideologi, pengaruh media sosial, politik identiti serta tekanan globalisasi, pembinaan negara bangsa memainkan peranan yang amat penting. Ia menjadi asas dalam menyatukan rakyat melalui perkongsian identiti nasional, tanpa menafikan kepelbagaian kaum, agama dan budaya.

7. Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara mulai tahun ini telah mula mengangkat agenda pembinaan Negara Bangsa sebagai fokus utama bagi jangka pendek dan Panjang. Negara Bangsa amat penting untuk Malaysia pada masa kini kerana ia menjadi asas kepada **P.U.S.H** (***peace, unity, stability & harmony***) iaitu keamanan, perpaduan, kestabilan, dan keharmonian sebuah negara yang majmuk.

8. Kementerian melalui beberapa siri libat urus Bersama pakar akademik dan sejarah telah menetapkan definisi Negara Bangsa seperti berikut:

“Negara berdaulat yang warganya memiliki identiti nasional dan berkongsi nilai sepunya berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara”

9. **Negara bangsa ialah sebuah negara yang rakyatnya berkongsi identiti bersama seperti bahasa, budaya, sejarah dan nilai yang membentuk rasa kebersamaan serta kesetiaan kepada negara. Antara ciri-ciri utamanya termasuk adanya wilayah yang jelas, kerajaan yang berdaulat, sistem pentadbiran yang teratur, serta rakyat yang mempunyai kesedaran dan semangat nasionalisme.**

10. Di samping itu, **negara bangsa juga berteraskan Perlembagaan Persekutuan, penggunaan bahasa kebangsaan sebagai medium perpaduan, dan penghayatan Rukun Negara sebagai panduan hidup.** Perkongsian identiti bersama ini tidak menafikan keunikan kaum atau etnik, sebaliknya menghormati kepelbagaian sebagai kekuatan dalam membina keharmonian dan perpaduan negara.

11. Bagi memastikan aspirasi Negara Bangsa ini betul-betul sampai kepada rakyat dan diterima oleh semua pihak, Kementerian akan terus melaksanakan beberapa **sesi libat urus, perbincangan meja bulat, sesi townhall serta penganjuran Persidangan Negara Bangsa** yang akan akhirnya menghasilkan satu **Blueprint Negara Bangsa** untuk rujukan semua pihak terutamanya agensi kerajaan dalam membuat dasar atau inisiatif baharu.

OBJEKTIF KONVENSYEN

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Persoalannya, mengapa sejarah begitu penting dalam pembinaan negara bangsa. **Sejarah bukan sekadar catatan peristiwa masa lalu, tetapi adalah asas kepada pembentukan identiti nasional.** Melalui sejarah, kita

memahami asal-usul negara, perjuangan tokoh terdahulu serta nilai-nilai yang membentuk jati diri bangsa.

13. Tanpa pemahaman sejarah yang kukuh, sukar untuk kita membina rasa kebersamaan dan kesetiaan kepada negara. Justeru, sejarah dan negara bangsa saling berkait rapat, **sejarah membentuk identiti, manakala identiti memperkukuh perpaduan.**

14. Oleh itu, dalam memastikan sejarah negara terus terpelihara, **Kementerian pada tahun lalu julung kalinya telah menubuhkan Majlis Sejarawan Negara.** Tujuan utama penubuhan ini adalah untuk mengawal selia kajian, rujukan sumber, penulisan, dan penerbitan sejarah bagi memelihara identiti nasional serta menangani manipulasi fakta sejarah. Keahlian terdiri daripada 17 orang ahli, termasuk sejarawan, ahli arkeologi, ahli antropologi, ahli sosiologi, serta wakil daripada Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi, dan Kementerian Pendidikan.

12. Atas kesedaran inilah, Kementerian melalui Arkib Negara Malaysia juga mengambil pendekatan proaktif dengan menganjurkan Konvensyen Sejarah Negara

sebagai platform memperkasa pemahaman sejarah dalam kalangan masyarakat.

13. Untuk makluman konvensyen selama dua hari ini akan menjadi platform penting yang menghimpunkan para sarjana, pengkaji dan pengamal sejarah untuk berkongsi penemuan, pandangan serta wacana ilmiah yang dapat memperkayakan naratif sejarah negara. Sebanyak **empat (4) sesi pembentangan akan berlangsung melibatkan 14 pembentang kertas kerja** dengan fokus seperti berikut:

- **Sejarah Institusi Beraja – kesinambungan dan perubahan**
- **Gerakan Nasionalisme**
- **Pentadbiran dan Perundangan**
- **Pembangunan dan Kesejahteraan Masyarakat Madani**

PENUTUP

Hadirin saya kasihi sekalian,

15. Melalui penganjuran konvensyen ini, Arkib Negara Malaysia akan terus memperkukuh peranannya sebagai penyimpan khazanah warisan negara melalui usaha memperoleh, menyimpan, memelihara serta

menyebarkan maklumat sejarah negara secara lebih sistematik dan berterusan.

Sesungguhnya, penganjuran konvensyen ini diharapkan dapat memberi impak yang signifikan dalam memperkukuh perpaduan nasional serta menyumbang ke arah pembinaan negara bangsa yang lebih progresif, inklusif dan berdaya tahan pada masa hadapan.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah ucapan patik. Patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke Majlis Perasmian Konvensyen Sejarah Nasional 2026: “Bersama Membina Negara Bangsa” pada hari ini.

Menjunjung Kasih Tuanku,

Ampun Tuanku.